



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

### **SEMPENA**

**"PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PESUKA KALI  
KE 23"**

**15 DISEMBER 2017 (JUMAAT)**

**3.00 PETANG**

**BERTEMPAT DI SAFIRA COUNTRY CLUB SEBERANG JAYA**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MPSP**

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Merangkap Timbalan Yang Dipertua PESUKA

**Yang Dihormati Encik Mohd Nasir Bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Shaqhrony bin Md Yusuff**

Setiausaha Kehormat PESUKA

**Encik Mohd Puad Bin Hamid**

Bendahari Kehormat PESUKA

**Encik Mohd Fidaie Bin Mohamad**

Ketua Sukan PESUKA

**Semua Ahli-Ahli Jawatankuasa PESUKA**

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan MPSP**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Bersyukur kita kehadrat llahi kerana dengan izin dan limpah kurniaanya, dapat kita hadir bersama-sama, berkumpul di dewan yang mulia ini sempena **Majlis Mesyuarat Agung PESUKA yang ke-23** bagi tahun 2017 ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PESUKA kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis ini.

Pencapaian PESUKA setakat ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan kerana persatuan ini merupakan antara persatuan di MPSP yang stabil pengurusannya dan aktif dalam merancang serta melaksanakan pelbagai bentuk aktiviti riadah dan rekreasi untuk semua ahli-ahlinya walaupun sedang menghadapi kekangan kewangan ketika ini.

Dengan keahlian seramai 2,553 orang ahli (data keahlian terkini sehingga 31 Oktober 2017), ianya merupakan satu cabaran yang besar kepada pengurusan PESUKA dalam memastikan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada semua ahli. Penganjuran aktiviti – aktiviti yang berlainan pada setiap bulan telah dilaksanakan oleh ahli-ahli jawatankuasa PESUKA secara sukarela dan ianya turut melibatkan perbelanjaan secara berhemah (berjimat cermat). Komitmen daripada setiap ahli adalah sangat penting dalam perkara ini dan sudah tentulah ianya memerlukan satu sistem kerja yang terancang dan teratur

bagi memastikan program-program anjuran PESUKA dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Saya difahamkan antara penganjuran aktiviti yang telah dilaksanakan secara tertutup adalah Pertandingan Snuker tertutup anjuran PESUKA bersama Ahli Majlis (13-16 Mei 2017), Pertandingan Boling antara Jabatan (26 Ogos 2017), Pertandingan Badminton tertutup MPSP (14 Oktober 2017) dan Pertandingan Sepak Takraw antara Jabatan (4 November 2017).

Manakala lain-lain aktiviti yang melibatkan penganjuran luar adalah antaranya Kejohanan bola sepak anjuran Majlis Bandaraya Ipoh, Kejonanan bola sepak MAKSAK di Padang USM, Pulau Pinang, Kejohanan futsal MALA di Majlis Bandaraya Shah Alam, Kejohanan badminton MALA di Keningau Sabah, Kejohanan tenpin boling MALA di Kuala Terengganu, Pertandingan tarik tali hari terbuka Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya dan lain-lain lagi. Ini adalah selari dengan kempen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*.

Selain itu, lain-lain aktiviti yang turut dianjurkan adalah XPDC Kental Gunung Pulut di Gerik, Perak (25 Mac 2017), Mai Xplore Bukit Gua Gong, Gua Bong & Gua Kerbau di Kodiang Kedah (22 April 2017), Kayuhan 25 KM Fun Ride sempena Hari Kesihatan Sedunia (31 Mac 2017), Pertandingan memancing R&R Bagan Ajam cabaran GP Joran Antarabangsa 2017 (5 Ogos 2017), Cabaran Gunung Stong, Baha & Ayam (18 – 20 Ogos 2017) dan lain-lain lagi.

Penganjuran program-program sebegini akan sentiasa mendapat sokongan daripada pihak pengurusan MPSP serta penglibatan yang amat menggalakkan darpadai Ahli-ahli Majlis dan ahli-ahli PESUKA sendiri dan juga merupakan satu landasan yang penting agar semua pihak dapat bertoleransi dan bekerjasama antara satu sama lain bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Saya percaya PESUKA mempunyai kebolehan dan berupaya memikirkan cara-cara yang sesuai ke arah mencapai matlamat-matlamat yang telah direncanakan serta mengadakan program-program yang lebih berkesan pada masa akan datang dengan mengambil kira keadaan dan prestasi kewangan semasa di samping berbincang,

bertukar-tukar fikiran dan pendapat mengenai rancangan-rancangan dan aktiviti kerja yang boleh dilaksanakan untuk mencapai objektif-objektif murni persatuan. Semangat bekerjasama (team work) antara ahli-ahli PESUKA hendaklah diamalkan agar ia terus kekal dan berkembang.

MPSP mempunyai kakitangan yang berkualiti dan hebat-hebat dalam bidang sukan. Suatu masa dahulu, nama MPSP ini sangat digeruni dalam sukan Bola Sepak dan Bola Jaring khususnya. Oleh itu, saya berpendapat bahawa PESUKA juga perlu melihat dari sudut *continuos training*, pelantikan jurulatih dan perkembangan sukan itu di MPSP supaya kita dapat mencari bakat-bakat baru dan menubuhkan pasukan yang mantap untuk kegemilangan MPSP semula. Kita tidak hanya menunggu apabila ada perlawanan, baru kita menubuhkan pasukan. Bahkan kita telah ada pelapis dan kumpulan yang hebat untuk menyertai mana-mana pertandingan atau mana-mana sukan antara PBT atau agensi-agensi kerajaan dan swasta. Anggaplah *continuos training* itu sebagai aktiviti riadah tuan-tuan dan puan-puan pada waktu petang.

Komitment keatas gaya hidup sihat serta perlaksanaan program-program kecergasan diteruskan di dalam Plan Startegi MPSP 2018 - 2022 melalui perancangan aktiviti-aktiviti rekreasi yang bersifat pasif dan aktif. Antaranya adalah penganjuran sukan teras yang dibuat secara tertutup seperti kejohanan futsal, bola sepak, badminton, bola jaring dan sebagainya. Manakala lain-lain aktiviti yang turut akan diadakan adalah ekspidisi memanjat gunung, acara memancing, pertandingan karaoke serta lain-lain aktiviti yang bersesuaian.

Justeru, saya berharap dan mendoakan agar mesyuarat pada hari ini akan menghasilkan beberapa pandangan, komen atau pendapat yang berfaedah dan yang boleh memberi manfaat kepada tuan-tuan dan puan-puan semua. Semoga PESUKA akan terus maju dan berjaya.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya dan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Mesyuarat Agung PESUKA kali ke -23

Sekian, terima kasih dan assalamualaikum.